

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS	:	MATEMATIK DALAM KOMUNIKASI KOMPUTER
KOD KURSUS	:	BBU 20202
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN
	:	VOKASIONAL (MULTIMEDIA KREATIF)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2015/JANUARI 2016
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT

SULIT

S1 (a) Tentukan himpunan penyelesaian dari persamaan kuadratik di bawah ini dengan kaedah:

(i) Pemfaktoran : $x + 3 = \frac{60}{x - 1}$ (3 Markah)

(ii) Pemfaktoran: $x^2 - 8x + 15 = 0$ (3 Markah)

(iii) Punca Kuasa Dua: $2x^2 + 8x + 1 = 0$ (3 Markah)

(iii) Menggunakan Rumus **abc**: $x^2 - 8x + 15 = 0$ (3 Markah)

(b) Berdasarkan persamaan nombor kompleks di bawah, cari nilai yang berikut:

(i) Cari $\sqrt{15 + 8i}$ dalam bentuk $a + bi, a, b \in R$ (4 Markah)

(ii) Diberi $3 - 2i = (p + qi)(5 + i)$. Cari nilai p dan q (4 Markah).

- S2** (a) Diberi set $A = \{(1,a),(2,d),(3,d),(4,c)\}$ adalah fungsi dari $X = \{1,2,3,4\}$ ke $Y = \{a,b,c,d\}$. Selesaikan soalan-soalan di bawah:
- (i) Tentukan domain dan *range* untuk fungsi tersebut (2 Markah)
 - (ii) Lukis *arrow diagram* untuk fungsi tersebut (3 Markah)
 - (iii) Adakah fungsi tersebut adalah *onto function*? Berikan alasan anda (2 Markah)
 - (iv) Lukiskan *inverse function* untuk fungsi tersebut (2 Markah)
- (b) (i) Bina jadual bagi persamaan $y = -x^3 + 3x + 1$ dengan menulis nilai-nilai y apabila $x = -2$ dan $x = 0$ (3 Markah)
- (ii) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi $-x$ dan 2 cm kepada 10 unit pada paksi y , lukis graf $y = -x^3 + 3x + 1$ dan untuk $-3 \leq x \leq 4$ dan $-51 \leq y \leq 19$ (6 Markah)
- (iii) Dari graf, cari nilai y apabila $x = -2.5$ dan nilai x apabila $y = -10$ (2 Markah)

S3 (a) Dapatkan bilangan cara memilih lima bola daripada lapan bola merah dan tujuh bola putih:

- (i) Kesemua bola itu merah
- (ii) Kesemua bola itu putih
- (iii) Dua bola merah dan tiga bola putih
- (iv) Dua bola putih dan satu bola merah
- (v) Tiga bola merah dan dua bola putih

(10 Markah)

(b) Sebuah balang mengandungi 6 bola berwarna hitam dan 5 bola berwarna putih. Tentukan bilangan cara memilih empat bola supaya

- (i) Hanya dua bola berwarna hitam terpilih

(2 Markah)

- (ii) Sekurang-kurangnya dua bola berwarna hitam terpilih

(4 Markah)

(c) Katakan Cikgu Ahmad perlu memilih 3 orang daripada 10 pelajar untuk merebut 3 hadiah pelajar terbaik. Anggapkan setiap pelajar daripada 10 orang mempunyai peluang yang sama untuk mendapat hadiah. Jika terdapat 6 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan, apakah kebarangkalian memilih 2 orang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan?


(4 Markah)

- S4 (a)** Apakah graf sederhana yang disediakan oleh pasangan matriks ketetanggaan (adjacent) di bawah ini isomorfik? Jelaskan jawapan, lalu gambarkan grafnya

$$\begin{bmatrix} 0 & 1 & 0 & 1 \\ 1 & 0 & 0 & 1 \\ 0 & 0 & 0 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 0 \end{bmatrix}; \begin{bmatrix} 0 & 1 & 1 & 1 \\ 1 & 0 & 0 & 1 \\ 1 & 0 & 0 & 1 \\ 1 & 1 & 1 & 0 \end{bmatrix}$$


(4 Markah)

- (b)** Buktikan graf berikut bipartit atau bukan bipartit
(i)




(3 Markah)

(ii)




(3 Markah)

- (c) Tentukan sama ada pasangan graf dalam Rajah S4b(i) dan S4b(ii) berikut isomorfik atau tidak. Terangkan secara ringkas jawapan anda
(i)


**Rajah S4b(i)**

(ii)

**Rajah S4b(ii)**

(4 Markah)

- (d) Bagi Rajah S4(c),

**Rajah S4c**

- (i) Dapatkan matrik bersebelahan
(ii) Tuliskan jujukan darjah bagi graf itu

(6 Markah)

- S5 (a)** Jika set universal, $U = \{1, 2, 3, \dots, 10\}$, set $A = \{2, 4, 6, 8, 10\}$, set $B = \{1, 3, 5, 7, 9\}$ dan set $C = \{3, 6, 9\}$. Senaraikan elemen-elemen untuk setiap set di bawah :
- (i) $C \cup B$ (2 Markah)
- (ii) $B - A$ (2 Markah)
- (b)** Untuk operasi set di bawah, lukiskan Venn diagram dan lorekkan set berkenaan
- (i) $\overline{(A \cap B)}$ (3 Markah)
- (ii) $B \cup (B - A)$ (3 Markah)
- (c)** Diberi set-set berikut: Set U ialah set pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional di FPTV, set L ialah set pelajar lelaki, set S ialah set pelajar tahun satu dan set K ialah set pelajar Multimedia Kreatif. Lukiskan gambar rajah Venn dan K . Nyatakan maksud kawasan yang berlorek \cup lorekkan (10 Markah)

-SOALAN TAMAT-